

Majlis Khatam Al-Quran peringkat Wilayah IV (15 April 2019)

Majlis Khatam Al-Quran peringkat Wilayah IV, PPK & Peladang-Peladang MADA merupakan salah satu majlis khusus yang diperkenalkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda bersempena dengan program "Road To Ramadhan" bagi tahun 2019. Program ini adalah acara julung-julung kalinya dirancang oleh Pengurusan Tertinggi MADA, bersempena perjalanan kita untuk bertemu dengan bulan yang penuh kemuliaan, iaitu bulan Ramadhan.



Program ini juga diadakan bersempena untuk mewar-warkan serta meraikan peladang-peladang di Kawasan Muda yang baru memulakan penanaman padi bagi musim 1/2019. Pihak MADA memberikan sepenuh sokongan kepada masyarakat terutamanya peladang-peladang di Kawasan Muda, yang telah mencurahkan sepenuh tenaga dan bakti, dalam memastikan hasil padi dan sumber pendapatan dapat ditingkatkan.



